

29 JUN 1999

MAHATHIR-DEB

KERAJAAN TIDAK TERBURU-BURU GUGUR DEB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan terburu-buru untuk memansuhkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberikan keistimewaan kepada bumiputera walaupun ketika ini ramai yang telah mencapai kejayaan tanpa keistimewaan tersebut.

"(Bagaimanapun) kita tidak boleh harap sampai bila-bila (dan) kata ini hak kita sebagai Bumiputera kerana ini akan melemahkan (kita)," kata Perdana Menteri dalam satu dialog selepas mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, di sini hari ini.

Beliau berkata bahawa dasar itu akan diteruskan tetapi mungkin dikurangkan mengikut masa dan keadaan.

Dr Mahathir berkata dalam dunia tanpa sempadan kini, bumiputera mesti belajar bersaing dengan orang lain.

"Kerana itulah bila terdapat bumiputera yang mempunyai kecekapan berniaga, kerajaan mengalakkan mereka ke luar negara, yang tidak memberikan keistimewaan seperti DEB," katanya.

Menyentuh mengenai perniagaan elektronik atau e-dagang, Dr Mahathir mencadangkan supaya masyarakat antarabangsa mengadakan satu perjanjian untuk mengawal kaedah perniagaan secara elektronik itu.

"Tetapi bila kita sebut sahaja tentang kawalan, mereka kata tidak boleh, kononnya sekarang ini semua kawalan dilonggar (deregulation)," tambahnya.

Beliau menegaskan bahawa "deregulation" membawa kepada keburukan seperti apa yang terjadi hasil daripada kegiatan spekulasi matawang yang tidak terkawal.

Beliau berkata buat masa ini, kerajaan belum ada penyelesaian untuk menjaga kepentingan mereka yang terlibat dalam e-dagang.

Dr Mahathir juga berkata bahawa dalam e-dagang, tidak terdapat perjanjian yang membolehkan sesiapa dipersalahkan kerana mengingkari kontrak.

Katanya terdapat juga permintaan untuk tidak melesenkan perniagaan e-dagang di Malaysia.

Beliau berkata biarpun ia tidak dilesenkan di Malaysia, perniagaan e-dagang boleh dibuat dari negara lain dan ini akan merugikan Malaysia.

Satu lagi masalah daripada e-dagang ialah syarikat tersebut biasanya tidak mempunyai aset, katanya dengan memberikan contoh amazon.com yang menjalankan perniagaan buku dengan hanya menyediakan alamat kedai-kedai buku yang terdekat dengan pembeli.

"Kalau apa-apa terjadi kepada syarikat tersebut, pelabur-pelabur di NASDAQ tidak mempunyai tempat untuk meminta pertolongan," tambahnya. -- BERNAMA

AD MFJ